

Islam Hadhari: Suatu Kesenambungan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam selepas Era Tun Dr. Mahathir Mohamad

Ahmad Atory Hussain*

Fakulti Pengurusan Awam dan Undang-Undang, Universiti Utara Malaysia

*Corresponding author; email: ahmatoryhussain@yahoo.com

ABSTRAK

Islam Hadhari diperkenalkan oleh YAB. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi selepas beliau dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia. Ia dikatakan sebagai satu konsep lama dan telah diperkenalkan semula ditengah-tengah keadaan globalisasi semasa dan kepentingan nasional Masyarakat Melayu dan kepimpinan serta juga masyarakat Malaysia amnya. Islam Hadhari bertujuan untuk mentafsirkan ajaran-ajaran Islam yang sebenar, dan keperluan kepada lebih pendekatan Islam dalam kehidupan seharian mereka. Artikel ini akan mengupas Islam Hadhari sebagai satu kesinambungan polisi Islam yang telah diterapkan oleh pentadbiran Tun Dr. Mahathir Mohamad. Di antara perkara-perkara utama yang ditumpukan di dalam artikel ini ialah kemunculan kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi sebagai seorang aktor penting membawa ke tengah polisi tersebut ke dalam suatu pendekatan moden yang lebih kontemporari terhadap Islam Hadhari tersebut, faktor-faktor yang menyumbang kepada penerapan/ perlaksanaan konsep Islam Hadhari, objektif-objektif konsep tersebut, dan seterusnya cabaran-cabaran yang akan terbentang di masa hadapan dalam membuatkan polisi tersebut difahami dengan berkesan di kalangan rakyat pelbagai kaum di Malaysia.

Katakunci: Islam Hadhari, ajaran Islam, pendekatan Islam, penerapan konsep

Islam Hadhari: A Continuation of the Adoption of Islamic Values after Tun Dr. Mahathir's Era

ABSTRACT

Islam Hadhari was introduced by YAB. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi after he was elected as the Prime Minister of Malaysia. It was claimed as an old concept and reintroduced in the midst of current globalization and national interest of Malay community and leadership as well as the Malaysian society in general. Islam Hadhari aims at interpreting the actual Islamic teachings, and an approach required for applying the Islamic teachings in their daily lives. This article will analyze Islam Hadhari as a continuation of Islamic policies being adopted by Tun Dr. Mahathir Mohamad's administration. Among the main items focused in this article are the emergence of Abdullah Ahmad Badawi's leadership as the prime actor that brings about the policy as a modern contemporary approach towards Islam Hadhari, factors that contribute to the adoption/implementation of Islam Hadhari concept, the objectives of the concept, and the future challenges in decision making to be effectively understood among the various ethnic groups in Malaysia.

Keywords: Islam Hadhari, Islamic teaching, Islamic approach, concept adoption

PENGENALAN

Konsep Hadhari telah banyak mendapat perhatian pelbagai segmen masyarakat, justeru artikel ini bertujuan menyampaikannya dalam bentuk pembicaraan akademik. Ia mendapat perhatian banyak pihak bukan sahaja dari golongan ilmuan agama tulin tetapi juga para ilmuan dari pelbagai bidang sama ada dari dalam atau luar negara. Namun, begitu seperti yang penulis sebut nanti, bukan semua ilmuan faham tentang konsep yang diperkenalkan ini. Justeru, artikel ini mengupas latar belakang bagaimana konsep ini timbul sejak akhir-akhir pentadbiran Tun Dr. Mahathir Mohamad hingga kepada permulaan pentadbiran Abdullah Ahmad Badawi yang menekankan bahawa Islam

Hadhari bukanlah suatu konsep agama baru, tetapi ia mengambil beberapa prinsip asas Islam (Al Quran) untuk dijadikan panduan kepada umat Islam membangunkan negara dalam semua aspek kehidupan dengan cemerlang, gemilang dan terbilang. Konsep Islam Hadhari juga tidak bertentangan dengan prinsip kehidupan bukan Islam, malah ia dapat memberikan gambaran sebenar tentang apa itu Islam sebenar kepada mereka. Kepada orang Islam sendiri, ia bukan sekadar menganggap Islam sebagai tuntutan akhirat, malah ia merupakan suatu tuntutan yang menyeluruh untuk dunia dan akhirat.

Kemunculan Abdullah sebagai pemimpin negara dan bibit-bibit pembinaan insan yang dibawa oleh Abdullah Badawi

Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi telah mengangkat sumpah jawatan itu pada 31 Oktober 2003. Beliau terdidik dari keluarga ulama besar dari moyang, datuk, ayahandanya. Beliau bersekolah Melayu diperingkat rendah dan Inggeris di peringkat menengah serta mengambil jurusan pengajian Islam di Universiti Malaya. Beliau bukan terdiri daripada seorang yang berpendidikan professional. Beliau adalah bekas pegawai kanan kerajaan (PTD) dan jawatan terakhir beliau ialah TKSU di Kementerian Belia dan Sukan. Latarbelakang keagamaan seperti pengajian hadis dan Al'Quran itu sendiri telah membentuk pemikiran Pak Lah ke arah sahsiah yang baik, kepimpinan yang baik menurut Islam, yang melahirkan insan yang amanah, bersih, dan waraq. Bakat sebagai pentadbir beliau terserlah apabila beliau berkhidmat dengan Tun Abdul Razak, Perdana Menteri kedua, yang berperanan sebagai Ketua Penolong Setiausaha MAGERAN dan berpeluang terlibat dalam hal-ehwal pentadbiran darurat yang melibatkan konflik kaum antara Melayu, Cina dan India serta pembentukan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970. Dari situlah beliau menimba banyak pengalaman, maklumat, keinsafan, kesedaran betapa orang Melayu khususnya perlu dibangunkan dan dibetulkan sikap mereka untuk maju. Dari situlah juga beliau bergerak terus ke arah menceburkan diri dalam kepimpinan politik UMNO dan negara.

Beliau seorang idealis yang banyak memberikan buah fikiran untuk membantu pembangunan bangsa terutama dari segi kepimpinan belia, pelajar seperti mengadakan program pertukaran belia-belia antarabangsa, bertindak dibelakang tabir BTN, GPMS pusat dan cawangan-cawangan GPMS di IPTA-IPTA dalam tahun-tahun 70an. Semasa menerajui lima buah kementerian sebelum dilantik menjadi Perdana Menteri, beliau banyak memperkenalkan beberapa pembaharuan seperti KBSM (Kurikulum Baru Sekolah Menengah), KOBENA, KAGAT dan sebagainya, Beliau juga satu masa dahulu orang yang banyak memberi input idea-idea untuk membangunkan bangsa Melayu kepada Tun Hussein Onn, Tun Dr. Matahair, Tan Seri Musa Hitam sendiri dan lain-lain pemimpin lagi. Pada masa Pak Lah menjadi Setiausaha MAGERAN pada tahun 1969 wujud sebuah buku yang dinamakan Revolusi Mental bertujuan untuk membina insan dan membangunkan masyarakat. Buku ini bertujuan untuk memenuhi hasrat agenda Melayu. Antara lain Revolusi Mental sebagai satu gagasan untuk memenuhi agenda Melayu, yang menyeru orang Melayu menjalani anjakan sikap, menuntut ilmu pengetahuan, gigih dalam perjuangan, kuat bekerja dalam menghadapi dunia yang kompetitif. Revolusi Mental dianggap sebagai suatu gerakan perubahan pemikiran yang melibatkan cara berfikir orang Melayu dan pandangan masyarakat untuk menyesuaikan diri dalam segala bidang. Antara kandungan Revolusi Mental ialah tentang pengurusan dan ilmu pengetahuan serta kemahiran hidup. Ilmu adalah berpunca daripada kemudahan pembelajaran dan sistem pendidikan itu sendiri dan seterusnya dapat melahirkan manusia intelektual. Perkara-perkara inilah antara lain yang ditekankan oleh Pak Lah dalam memberi motivasi kepada para pelajar dan rakyat amnya. Beliau percaya bahawa melalui motivasi pelajar-pelajar ke arah pendidikan dan menuntut ilmu sahaja masyarakat dapat dimajukan. Untuk itu, beliau pernah dianugerahkan Doktor Kehormat Perkhidmatan Awam oleh Western Michigan University Alumni, Amerika Syarikat, setelah memberi pertimbangan mendalam akan sumbangan beliau dalam memberi motivasi kepada pelajar-pelajar di negara ini.

Abdullah Badawi sebagai penerus dasar Tun Dr. Mahathir Mohamad: memperkasakan sikap

Semua maklum bahawa Dato' Seri Abdullah Badawi merupakan pemimpin yang menggantikan Tun Dr. Mahathir yang bertindak sebagai penerus kepimpinan dan dasar-dasar penting Tun Dr.

Mahathir. Seperti yang disebutkan tadi, tiada suatu dasar yang dianggap baru untuk dilaksanakan oleh Pak Lah. Tetapi sebetulnya ada suatu ruang yang Abdullah telah mengambil peranan. Dan peranan itu ialah membina insan yang cemerlang atau membina/memperkasa sikap orang Melayu. Ini satu tugas yang amat berat dan lebih berat daripada memperkenalkan atau mengadakan dasar pembangunan. Ia melibatkan perubahan sikap, nilai, tingkah laku, akhlak yang lebih baik. Ia juga melibatkan nafsu, kebiasaan, pandangan, emosi, psikologi, adat, budaya, cara hidup, kejiwaan, kemanusiaan, kemasyarakatan yang mana aspek-aspek inilah yang sebetulnya masih belum selesai di zaman Tun Dr. Mahathir. Seperti kata Tun Dr. Mahathir, “saya minta maaf. Saya tak dapat buat apa lagi dah dengan orang Melayu ini; tak boleh nak ubah fikiran mereka, tak boleh ubah sikap. Saya sudah gesa, sudah marah, sudah rayu, saya sudah doa, saya menangis..” Seterusnya Pak Lah berkata “Saya tertanya diri saya, mungkin itulah ruang yang saya perluenuhi sebab pada fikiran dia (Tun Dr. Mahathir) itu adalah aspek yang paling penting sekiranya orang Melayu hendak maju ke hadapan, dengan semangat Malaysia boleh, Melayu boleh..”. Bertitik-tolak daripada itu, bahawa tugas Pak Lah, di samping sebagai penerus dasar-dasar Tun Dr. Mahathir, iaitu mengurus dasar-dasar tersebut serta mengekalkan kejayaan dasar-dasar itu. Ini suatu tugas berat yang menuntut kepada suatu pembentukan insan dan masyarakat yang kuat sahsiahnya. Jika tidak dilakukan dengan jayanya, tentu sahaja beliau akan menghadapi kegagalan.

Realiti dan cabaran Pak Lah selepas Tun Dr. Mahathir Mohamad

Bahawa cabaran-cabaran utama selepas kepimpinan Tun Dr. Mahathir ialah tentang sikap orang Melayu yang tidak banyak berubah. Apakah yang dimaksudkan tidak berubah itu? Antaranya ialah masih terdapat sesetengah orang Melayu yang masih bersikap malas berusaha, tidak tekun dalam pekerjaan, berfikiran sempit, harap hanya kepada kerajaan untuk hidup, mentaliti subsidi, tak mahu berubah, fanatik agama, tak mahu sesuatu pekerjaan yang susah, tak mahu kepada pelajaran Bahasa Inggeris, tak mahu belajar Matematik, Sains, berminat hanya sebagai pemakan gaji, tak berminat berniaga. Mengamalkan politik wang, mengamalkan rasuah, dapat projek bagi kepada orang lain, menjual nama kepada bangsa asing, menjual AP, menjual lesen kepada orang lain, menjual pasport, mengambil pendatang haram, dan pelbagai lagi yang boleh menjahanamkan negara yang tidak dapat disebut di disini satu persatu! Selain dari masalah-masalah di atas, ada lagi cabaran atau masalah yang dihadapi selepas era Tun Dr. Mahathir, iaitu antara lain: globalisasi, terrorisme, kemiskinan luar bandar, jenayah berat, rasuah berskel besar dan kecil, rasuah di jabatan-jabatan kerajaan tertentu, negara jiran yang mula bersikap agresif (diplomasi), pembangunan ekonomi Melayu yang masih ketinggalan berbanding kaum lain, pengangguran siswazah Melayu, kelunturan budi pekerti masyarakat Melayu, nilai-nilai murni yang menurun dan lain-lain. Pendek kata, masalah-masalah yang berkaitan dengan sikap dan nilai lebih meruntun kita dan lebih mendominasi cabaran negara daripada masalah-masalah yang bersifat material itu sendiri.

Wawasan/visi Abdullah Badawi

Wawasan Abdullah Badawi ternyata untuk memperkenalkan idea yang perlu diisikan untuk mencukupi, untuk menjamin kesinambungan dasar-dasar yang telah dilaksanakan, kesinambungan kerja yang diusahakan untuk selama ini, untuk menokotambah kepada apa yang telah diusahakan dengan elok dan cemerlang dan seterusnya memastikan orang Melayu mesti ditambah nilainya. “Untuk menambah nilai orang Melayu supaya berkemampuan, kita mesti menjadi bangsa yang kita katakan sebagai cemerlang, gemilang dan terbilang”.

Abdullah Badawi mengibaratkan bangunan-bangunan yang cukup elok di Putrajaya itu sebagai “*hardware*”, manakala “*software*” ialah manusia yang ada di dalam bangunan yang serba indah dengan alat-alat kelengkapan dengan teknologi terkini dan sebagainya. Oleh sebab itu, “adalah penting untuk kita meningkatkan lagi kemampuan dan kebolehan rakyat, di mana pekerja-pekerja mesti ditingkat nilai mereka supaya dapat menjadi pekerja yang cemerlang, gemilang dan terbilang”. “Maka dengan itulah kita perlu mengubah minda rakyat. Kita perlu ubah sikap kita, cara kita bekerja untuk membolehkan kita menghasilkan sesuatu yang lebih baik.” Secara ringkas, beliau telah menggariskan beberapa dasar untuk diperkenalkan kepada rakyat iaitu:

1. Memperkasakan sektor pertanian untuk membangunkan ekonomi rakyat
2. Memperkasakan sektor perkilangan
3. Menubuhkan Jawatankuasa Industri Kecil dan Sederhana
4. Menubuhkan agensi pemantauan (*monitoring*) untuk memantau segala tindakan yang diambil bagi menentukan sejauh manakah pencapaian bumiputera dalam bidang ekonomi
5. Berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menentukan pada tahun 2010 kita perlu mencapai matlamat 30 peratus bumiputera dalam perdagangan dan industri.
6. Pembangunan yang adil dan saksama, tidak ada golongan yang akan terbiar.

STRATEGI-STRATEGI UNTUK MENANGANI CABARAN-CABARAN

Untuk merealisasikan visi Abdullah Badawi sebagai menyahut cabaran-cabaran seperti yang disebut di atas, beberapa langkah sebetulnya telah dilaksanakan. Antaranya ialah:

A. Strategi Penambahbaikan Perkhidmatan Awam

1. Memerangi rasuah habis-habisan. Untuk itu sebuah akademi BPR Rasuah telah pun ditubuhkan
2. Mewujudkan Institut Etika Awam dan Pelan Integriti (kewibawaan) Nasional (PIN), yang mana kedua-dua badan ini untuk mengukuhkan imej dan integrity perkhidmatan awam Malaysia
3. Mewujudkan Suruhanjaya Penambahbaikan Pasukan Polis DiRaja Malaysia
4. Mengadakan lawatan mengejut ke kaunter-kaunter perkhidmatan awam
5. Memperbaiki sistem penyampaian khidmat
6. Mengurangkan karenah birokrasi

B. Slogan bersama rakyat

1. Mendekati rakyat dan “konsep kerja bersama saya bukan untuk saya”
2. “beritahu saya yang benar”,
3. Mengimamkan jemaah,
4. Mesyuarah/perbincangan umum
5. Memberi inspirasi dan keinsafan melalui sajaknya berjodol “Kucari Damai Abadi”
6. Berkerjasama dengan parti-parti pembangkang dalam isu-isu yang membabitkan kepentingan nasional

Memperkasakan sahsiah insan dan membina masyarakat melalui konsep/prinsip-prinsip Islam Hadhari

Secara ringkas dan bermakna, Islam bererti sejahtera, aman “*tranquility*” (Quran, 8:6); pengabdian, penyerahan diri sepenuhnya kepada Tuhan (Quran 2:208). Islam sebuah agama suci (Quran 61:9), sebuah agama untuk semua Nabi (Quran 3:84 dan 2:136). Islam mengatasi segalanya yang merupakan sebuah ajaran (*code*) yang sempurna (*complete code*), dan agama terakhir untuk semua manusia (Quran 3:102).

Manakala perkataan Islam Hadhari begitu sinonim dengan tamadun Islam Hadhari (hadhari/hadhariyah) bererti juga “tamadun, bandaraya, moden, semasa (*contemporary*). Ertinya umat Islam dituntut agar hidup di dalam suasana semasa (*contemporary*), maju, moden, berilmu, berakhlak mulia, bersikap adil dan sebagainya yang mengikut ajaran Islam. Di antara langkah yang penting selain daripada langkah di atas ialah penyampaian mesej Islam Hadhari yang disampaikan oleh Abdullah Badawi melalui 10 prinsip iaitu:

1. keimanan dan ketaqwaan kepada Ilahi
2. kerajaan adil dan beramanah
3. rakyat berjiwa merdeka
4. penguasaan ilmu pengetahuan
5. pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif
6. kehidupan berkualiti
7. pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita
8. keutuhan budaya dan moral
9. pemeliharaan alam semula jadi
10. kekuatan pertahanan.

Sepuluh prinsip di atas bersesuaian dengan ajaran Islam (rujuk Al-Quran: misalnya prinsip Islam Hadhari pertama, An-Nisa 4:59, Al-Imran 3:2, Al-An'am 6:162 dan lain-lain. Prinsip kedua, Al-Nisa 4:58, Al-Maidah 5:8, Al-Maidah 5:42 dan lain-lain. Prinsip ketiga, Al-Hujarat 49:13, An-Nisa 4:1, Al-Imran 3:103, Al-Baqarah 2:256. Prinsip keempat, Al-Alaq 96:1-5, Al-Mujadilah 58:11, dan Hadith Al-Bukhari & Muslim. Prinsip kelima, Al-Araf 7:4-5, Al-Baqarah 2:143, Al-Nisa 3. Prinsip keenam, Al-Qasas 28:77, Al-Imran 3:110. Prinsip ketujuh, Al-Hujarat 49:13, Al-Imran 3:10. Prinsip kelapan, Al-Ahzab 33:21, Al-Maidah 5:100, Al-Baqarah 2:21, Al-Rad 13:11. Prinsip kesembilan, Al-Rum 30:41, Al-Ahzab 33:72, Al-An'am 6:165, Al-Jathiyah 45:13. Manakala prinsip kesepuluh pula ialah Al-Baqarah 2:190, 2:193, Al-Hujarat 49:9, Al-Ankabut 29:1, Al-Rad 13:11, Al-Imran 3:104 dan Hadith Al-Bukhari & Muslim.

Prinsip-prinsip ini juga sejajar dengan pandangan Ulama tersohor Sheikh Yusuf Al-Qardawi yang mengutarakan 20 prinsip Islam Hadhari, tetapi, Abdullah hanya mengambil sepuluh prinsip sahaja. Manakala sepuluh prinsip lagi yang diutarakan oleh Sheikh Yusuf Al-Qardawi (2000) sebetulnya secara umumnya telah pun diperjuangkan oleh pemerintah Malaysia dan kebanyakannya termaktub di dalam perlembagaan Malaysia (Antara lain 20 prinsip Qardawi ialah: kepercayaan, ibadah, intelek (akal), pengetahuan, iman dan amalan, da'awah, persediaan keduniaan untuk ke akhirat, fizikal dan kerohanian, kebenaran, kekayaan kepada yang haq, hak yang seimbang dengan tanggungjawab, kebebasan mendapat perkhidmatan masyarakat, akhlak yang baik, individu yang bersandarkan keluarga dan masyarakat, masyarakat yang tidak menindas individu, masyarakat Islam yang terbuka kepada dunia, negara (daulah) yang berpegang kepada agama, perundangan yang menangani masalah-masalah, keadilan yang disokong oleh kebenaran dan seni (*art*) yang dipandu arah oleh nilai. Konsep Islam Hadhari ini juga dilihat berpaksikan lima prinsip Maqasid Al-Shariah yang disebut oleh sarjana-sarjana Islam tersohor seperti Imam al-Tarmizi, Imam al-Ghazali, al-Shawkani, Imam al-Shatibi, Ibnu Tamimiyah, iaitu agama (al-din), intelek (al-aql), kehidupan (al-Nafs), harta-benda (al-mal dan maruah (al-maruah/al-usrah. Justeru, tidak dinafikan bahawa konsep Islam Hadhari bukan perkara baru, tentunya merupakan wadah penting pimpinan Pak Lah untuk mengorak langkah menyelesaikan beberapa masalah dan isu atau cabaran seperti yang disebutkan di atas. Semua pihak dan semua apparatus negara perlu menjadikan konsep ini sebagai alat mengubah minda rakyat. Islam Hadhari hanyalah di anggap alat atau prinsip untuk mencapai matlamat negara. Tentunya pada pendapat saya matlamat negara setakat ini ialah WAWASAN 2020 yang mempunyai sembilan cabaran itu.

FAKTOR-FAKTOR TIMBULNYA KONSEP ISLAM HADHARI

Konsep Islam Hadhari difahamkan timbul apabila banyak persoalan yang dibangkitkan oleh pemimpin-pemimpin negara khususnya Tun Dr. Mahathir sendiri sebelum beliau bersara lagi. Persoalan-persoalan seperti bagaimanakah hendak menggerakkan orang Melayu supaya betul-betul bersemangat untuk maju? Tidakkah Quran sendiri menyuruh mengubah fikiran masyarakat/umat ke arah kemajuan dunia dan akhirat? Kita sudah buat macam-macam bentuk pembangunan untuk orang Melayu, dari MARanya, FELDanya, DEBNya, subsidinya dan pelbagai lagi. Tetapi yang lebih maju dan kaya bukan orang Melayu. Orang Melayu ramai yang masih ketinggalan dari segi ekonomi. Yang ramainya hanya sebagai pemakan gaji. Kita boleh berjaya untuk

mencapai WAWASAN 2020, Malaysia pasti maju. Tetapi, bolehkah kita maju pada ketika itu? Untuk itu persoalan timbul, bolehkah kita balik kepada *fundamental* atau asas-asas Islam atau tamadun Islam atau Islam Hadhari? Inilah persoalan yang diperjuangkan oleh pimpinan Pak Lah, di mana dirasakan beliau boleh meneruskan perjuangan memajukan bangsa Melayu dengan menggunakan pendekatan Islam Hadhari bagi memacu kemajuan orang Melayu khasnya dan Malaysia amnya.

Tun Dr. Mahathir sudah membuat pembangunan dari segi lambang Islam agar orang luar tengok inilah negara Islam seperti ada Putrajaya, KLIA, UIA, TAFAKUL, Bank Islam, ada menara, masjid, lebuh raya, perpaduan kaum, dan sebagainya. Persoalannya ialah adakah Negara Islam itu hanya lambang-lambang seperti masjid atau Putrajaya sahaja? Umatnya macam mana? Soal sembahyang, puasa atau fardhu ain sudah selesai. Yang belum selesai ialah soal kemajuan orang Melayu, soal pembangunan umat Islam, soal tamadun (*civilization*), atau Hadhariah. Soal-soal inilah yang paling ditakuti oleh barat hari ini, kerana tamadun atau Hadhari itu adalah berkonsepkan kepada sekurang-kurangnya 10 prinsip itu. Maka itu, diwujudkan konsep Islam Hadhari yang dibawa oleh Pak Lah yang berfokuskan kepada ajaran -ajaran agama yang telah pernah membangkitkan semangat orang Islam dan membangkitkan umat yang terbaik pada satu masa dahulu. Tamadun yang berfokuskan kepada ajaran agama yang seimbang antara dunia dan akhirat yang berpaksikan kepada taqwa, Selain itu, tidak dapat dinafikan bahawa konsep Islam Hadhari ini lebih banyak ditujukan kepada golongan-golongan yang masih lagi tidak memahami agama Islam sebenar, yang mana sesetengah orang Islam sendiri menganggap Islam sebagai hal-hal akhirat. Sedangkan Islam sebenarnya adalah untuk dunia dan akhirat. Dengan strategi penjelasan menggunakan prinsip-prinsip Islam yang bernama Hadhari itu, dijangka golongan yang tidak faham itu akan kembali tampil kemuka untuk kembali kepangkuan masyarakat dan hidup sebagai yang dikehendakki oleh prinsip Islam iaitu disamping beribadat kepada Tuhan tetapi juga memakmurkan dunia dengan bersungguh-sungguh bukan melepas batuk di tangga atau “asalkan boleh hidup sahaja”. Ia menuntut agar hidup secara mengikut aliran semasa, moden, canggih, maju kedepan berasaskan ilmu pengetahuan. Kepada golongan orang Melayu di dalam UMNO sendiri, saya fikir, prinsip Islam Hadhari secara sedar atau tidak sedar telah diamalkan, kerana selama ini pun perjuangan parti tersebut semenjak merdeka tidak lari daripada prinsip-prinsip itu, hanya perlu diberi penekanan sahaja bahawa selamanya perjuangan UMNO adalah dituntut oleh Islam. Selain itu, prinsip Islam Hadhari sedikit sebanyak telah membuka mata kepada golongan bukan Melayu, yang sesetengahnya menganggap Islam itu tidak lebih daripada suatu ritual keagamaan, bukan sebagai satu cara hidup atau addin. kemunduran, kemiskinan dan lebih dahsyat lagi Islam dikaitkan dengan keganasan dan pengganas. Dengan penjelasan melalui prinsip Islam Hadhari ini, ia menjadi alat penerangan atau alat memperjelaskan kepada mereka inilah yang sebenarnya Islam itu, bukan keganasan, bukan beristeri banyak, bukan jahil ilmu dan negatif semuanya.

CABARAN DALAM MEREALISASIKAN ISLAM HADHARI

Konsep Islam Hadhari dianggap pelengkap kepada strategi mencapai WAWASAN 2020. Jika kita mengimbuai kembali akan sejarah perkembangan Islam di Malaysia, ternyata ia bergerak secara berperingkat semenjak merdeka lagi. Jika kita ingat, Almarhum Tunku Abdul Rahman telah meletakkan perkara 3 dalam Perlembagaan Malaysia mengenai Islam Agama Rasmi Persekutuan, dan beliau juga meletakkan Malaysia di peta Dunia Islam dengan memegang jawatan Setiausaha Agung OIC pertama dan pertandingan Musabaqah Al-Quran peringkat dunia Islam. Manakala Tun Razak dianggap mengisi kemerdekaan dengan pembangunan ekonomi dan juga menubuhkan institusi khas di Jabatan Perdana Menteri (Tak BerPotfolio) seorang Menteri atau Timbalan Menteri yang menjaga hal-ehwal Agama Islam. Tun Hussein Onn pula meneruskan peranan Jabatan Agama Islam di Jabatan Perdana Menteri tersebut dengan melancarkan bulan dakwah di seluruh negara. Pendek kata setiap Perdana Menteri Malaysia itu tidak lepas daripada tanggungjawab mereka untuk mempertingkatkan Islam. Tun Dr. Mahathir pula selain melancarkan penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara, beliau telah menubuhkan banyak institus-institusi pemikiran dan ekonomi Islam dan yang terakhir sekali sebelum bersara telah mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam pada 9 September 2003 yang lalu.

Maka itu, dalam era Pak Lah ini, prinsip-prinsip Islam Hadhari akan dijadikan sebagai alat yang kukuh untuk mencapai atau merealisasikan konsep negara Islam yang diisytiharkan itu. Islam Hadhari juga digunakan sebagai alat untuk mempersiapkan sebuah masyarakat yang di panggil “masyarakat agung” atau “*the great society*” yang bertunjangan cemerlang, gemilang dan terbilang. Hanya masyarakat agung sahaja yang boleh memiliki konsep atau wawasan ini. Konsep Masyarakat ini pernah disebut oleh ahli-ahli falsafah besar seperti Aristotle, Plato, Hobbes, Ibnu Khaldun, Huntington, malah Presiden Roosevelt ingin mewujudkan “*the great society*” bagi Amerika, dan banyak contoh negara-negara besar yang berbuat demikian. Antara ciri-ciri masyarakat agung ialah kebebasan, demokratik, amanah, aman damai, saksama dan adil, tiada kemiskinan, tiada keganasan, tiada rasuah, bersatu padu, tiada keganasan dan sebagainya (lihat ilustrasi dalam appendix). Konsep “cemerlang, gemilang, dan terbilang” yang dibawa oleh Pak Lah itu adalah merupakan intipati kepada masyarakat agung acuan kita sendiri, dan bukanlah setakat hendak menang dalam perlawanan bola sepak atau pertandingan takraw sahaja.

Secara umumnya konsep Islam Hadhari telah diterima secara menyeluruh oleh segenap lapisan masyarakat baik dari pihak pembangkang atau ahli-ahli politik. Ini termasuk para professional, ahli-ahli akademik dan intelektual daripada universiti-universiti tempatan seperti UM, UiTM, UKM, USM, UUM dan UIMA. Meskipun demikian, cabaran yang utama pimpinan Abdullah kini telahpun dikenalpasti. Begitu juga realiti dan visi beliau. Apa yang belum jelas diperkatakan ialah tentang bagaimana hendak direalisasikan konsep Islam Hadhari itu. Selain itu, ketidak-fahaman dan sikap sesetengah para ilmuan atau cendekiawan kita yang mengambil sikap remeh atau pun sengaja tidak mengambil perhatian khusus mengenainya. Golongan ilmuan Melayu kita kini, sekurang-kurangnya terdapat tiga golongan yang berbeza pendapat. Pertama, golongan yang mempunyai aliran fikiran tamadun Melayu sahaja, kedua mempunyai aliran pemikiran Islam, dan ketiga golongan yang berfahaman sederhana iaitu mengambil pemikiran Islam, Melayu dan Barat. Bagi golongan kedua dan ketiga tidak menjadi ketara sangat. Yang saya maksudkan ialah golongan pertama tadi iaitu yang berfahaman pemikiran Melayu.

Terdapat pandangan yang berbeza dengan konsep Islam Hadhari iaitu semacam “menolak” atau sekurang-kurangnya ingin “menandingi/ menyaingi” konsep Islam Hadhari itu dengan tamadun Melayu; kerana katanya orang Melayu sudah lama maju. Golongan ini dengan penuh bernostalgia mengatakan bahawa dalam masyarakat Melayu (dibaca zaman Kesultanan Melayu Melaka) sudah ada konsep kerja kuat. Melayu sudah ada konsep kerja bersungguh-sungguh seperti “genggam bara api biar sampai jadi abu”, alang-alang menyeluk pekasam biar sampai kepangkal lengan”. Orang Melayu tidak malas. Yang menyebabkan Melayu miskin ialah penjajahan dan kebanjiran bangsa asing dan penjajahan barat. Orang Melayu sudah ada konsep “*taqwa*” iaitu rezeki secukup takkan menjadi segantang”. Kemiskinan Melayu bukan disebabkan Melayu malas, kemajuan sesuatu bangsa bukan disebabkan bahasa Inggeris dan pelbagai lagi. Sambil mengakui perbezaan-perbezaan pandangan tersebut, kita berpendapat bahawa dengan bernostalgia zaman kegemilangan Melayu Melaka hatta zaman kegemilangan tamadun Andalusia, empayar Islam, kita tidak boleh sepenuhnya menggunakan ukuran-ukuran zaman-zaman kegemilangan tersebut untuk membangunkan orang Melayu dalam konteks sekarang. Yang berlalu tetap dikenang dan dijadikan landasan dan tauladan serta sempadan. Yang kita hendak hadapi ialah zaman globalisasi yang mencabar hari ini dan akan datang. Walau macam mana gemilang pun zaman dahulu tidak sama dengan zaman ini.

Islam sendiri tidak menentang mana-mana fahaman atau falsafah terdahulu. Islam tidak pernah menentang falsafah Yunani, Cina, India. Malah Islam dianggap sebagai pelengkap kepada tamadun-tamadun yang baik terdahulu itu. Jika ada pertentangan dengan falsafah terdahulu itu maka Al-Quran memberikan hukum. Kalaupun ada bidalan-bidalan bekerja kuat yang dicipta oleh tamadun Melayu Melaka, hatta kerajaan Sriwijaya, itu adalah suatu kebetulan dengan Islam ataupun tidak bertentangan dengan Islam. Harus diingat, tamadun Melayu Melaka itu sendiri banyak dipengaruhi oleh ajaran Islam. Adalah tidak dapat dipasti kan apakah bidalan “genggam bara api biar sampai jadi abu” itu dicipta sebelum Melayu masuk Islam ataupun sesudah memeluk Islam! Belum tentu ada bidalan kerja kuat dalam alam pemikiran Melayu, maka rakyatnya kuat bekerja pada zaman itu. Itu pandangan golongan ilmuan Melayu ketika itu. Seperti hari ini juga, prinsip bekerja kuat untuk maju

ada di dalam ilmu barat atau di dalam dada para ilmuan kita. Tetapi rakyat terbanyak, belum tentu dapat menghayati bekerja kuat seperti tersebut di dalam buku.

Sebetulnya sampai saat ini, tamadun Sriwijaya atau tamadun Melayu itu pun masih tidak cukup untuk memajukan bangsa Melayu hari ini. Ia perlu kepada penambahan dari prinsip-prinsip Islam dan juga unsur-unsur tamadun barat terutama sains dan teknologi. Jika prinsip-prinsip tamadun Melayu terdahulu cukup untuk membangunkan orang Melayu hari ini, masakan Perdana Menteri mahu mengambil prinsip-prinsip Islam Hadhari! Bukan semua prinsip tamadun Sriwijaya atau keagungan Melaka dahulu sesuai dengan suasana globalisasi sekarang! Tetapi prinsip-prinsip Islam adalah sesuai dengan semua masa hingga kiamat. Tamadun Melayu itu cukup besar dan memadai untuk membangunkan bangsa Melayu hari ini. Jika prinsip-prinsip Melayu atau Sriwijaya tidak cukup besar untuk memacu pembangunan umat, maka Islam Hadharilah jawabannya. Prinsip-prinsip tamadun Melayu masih tidak cukup untuk membangunkan umat Islam hari ini. Ia perlukan Islam Hadhari.

Contoh yang paling kecil ialah konsep bekerja kuat secara umum memang ada di dalam bidalan Melayu, tetapi konsep-konsep seperti bekerja dengan “*professional*”, “*enterprising*”, “*accountable*”, “*punctuality*”, berorientasikan klien/pelanggan, berasaskan merit, adakah konsep-konsep ini wujud di dalam bidalan atau perumpamaan Melayu. Jika ada elok sangat disebutkan untuk tatapan orang Melayu. Saya belum berjumpa kesemua sepuluh prinsip Islam Hadhari dari tamadun Melayu! Sudah sampai masanya semua unsur-unsur pembangunan /budaya Melayu dahulu ditonjolkan dan diselaraskan dengan unsur-unsur pembangunan dalam Islam dan juga dari barat. Untuk itu, semua golongan ilmuan daripada pebagai aliran dapat dipersekutukan untuk kebaikan ummah. Ini bertujuan mengelakkan salah tafsiran yang mengatakan antara lain “untuk apa Islam Hadhari lagi”, sedangkan dalam budaya Melayu juga sudah menunjukkan adanya unsur-unsur membangkitkan minda dan semangat untuk pembangunan umat!

Cabaran seterusnya ialah jika kita hendak mengubah sikap rakyat supaya lebih maju, maka Islam Hadhari sudah ada dan diperjelaskan akan konsep dan maksudnya. Islam Hadhari perlu dijadikan suatu dasar atau program yang konkrit. Perlu ditentukan ialah apakah dasar, program, projek, garispanduan, rancangan, agenda, formula untuk mengubah minda orang Melayu itu melalui prinsip Islam Hadhari. Persoalan ini timbul kerana ia perlu diberi keutamaan oleh para intelektual, para pemimpin serta pentadbir kita untuk memikirkannya. Tidak akan berkesan jadinya jika kita hanya memperkatakan konsep, visi, hatta realiti dan cabaran masyarakat dan negara termasuk konsep Islam Hadhari, tetapi kita tidak ada sebarang dasar, program, projek atau apa sahaja strategi yang konkrit untuk mengubah minda masyarakat. Tanpa ada satu dasar yang nampak dihadapan kita untuk kita laksanakan visi tersebut, maka minda, sikap dan nilai masyarakat tidak akan berubah ke arah yang lebih maju dan membangun.

RUJUKAN

- Ahmad Atory Hussain. (1990). *Dimensi Politik Melayu: Antara Kepentingan dan Wawasan Bangsa*, DBP, Kuala Lumpur.
- Ahmad Atory Hussain. (1998). *Politik Melayu: Dari Berantakan kepada Pembangunan*, Utusan Publication, Kuala Lumpur.
- Chamil Wariya. (2004). *Abdullah Ahmad Badawi, Perjalanan Politik PM ke5*, Utusan Publication, Kuala Lumpur.
- Abdullah Yusuf Ali. (1991), *The Holy Quran*, Text Translation and Commentary, Beirut, Labenon.
- Afzalur Rahman. (1992). *Islam: Ideology and the Way of Life*. Kuala Lumpur A.S Noordeen.
- Federal Constitution of Malaysia*.(2000). Kuala Lumpur, International Law Book Services.
- Kitab-Kitab Suci*. URL <http://www.isnet.org/dasar Islam/kitab.html>. The Islamic Network.
- Muhammad Abul Qesem. (1975). *The Ethics of Al-Ghazali: A Composite Ethics in Islam*. Kuala Lumpur: Central Printing Sdn. Bhd.

- Mohammad Hashim Kamali. (1999). *Principles of Islamic Jurisprudence*. (2nd ed). Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers. P.397-399 dan 400-4001.
- Muhammad Al-Buraey. (1985). “Administrative Development””*An Islamic Perspective*. Saudi Arabia: University of Petroleum & Minerals.
- Sheikh Yusuf Al-Qardawi. (2000). *Hajat al-Basyariyah Ila al-Risalah al-Hadhariyah Li Ummatina*. Kaheerah (cairo): Maktabah Wahbah.
- Nation, “Forward Towards Excellence” 24 September 2004.
- Utusan Malaysia, 29 September, 2003, Kuala Lumpur.
- Utusan Malaysia, 19 Disember, 2004, Kuala Lumpur.
- Utusan Malaysia, 26 September, 2004, Kuala Lumpur.
- Utusan Malaysia, 29 September, 2004, Kuala Lumpur.
- Wan Faizah Wan Abdullah, (Penyunting).(2005) “Islam Hadhari: A Contemporary Overview of the Senario in Malaysia” dalam *Wahana Akademik*. Vol. 4, No. 1, 2005, UPENA, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah.

Nota

Artikel ini adalah petikan daripada kertas kerja penulis berhubung Islam Hadhari di dalam Seminar Kebangsaan “MENGKAJI PEMIKIRAN YAB. DATO’ SERI ABDULLAH AHMAD BADAWI TERHADAP PEMBINAAN INSAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL: DENGAN TAJUK BERJODOL “MENJANA: ““TOWERING PERSONALITI” ATAU MEMPERKASA SAHSIAH ATAU MEWUJUDKAN INDIVIDU MENARA: ANTARA VISI DAN REALITI”, ANJURAN INSTITUT SOSIAL MALAYSIA (ISM), KEMENTERIAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT, MALAYSIA PADA 5 APRIL 2005, KUALA LUMPUR . Kertas kerja ini telah dibahaskan dengan panjang lebar di dalam Seminar tersebut dan telah diedit semula untuk disesuaikan dengan penulisan Jurnal ini..... Penulis.

ILUSTRASI MODEL KE ARAH PEMBENTUKAN MASYARAKAT AGUNG

